

12 JUN 1998

Mahathir-Dana

KERAJAAN LAKUKAN PELBAGAI CARA UNTUK TARIK DANA ASING

KUALA TERENGGANU, 12 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi menarik semula modal asing ke negara ini tetapi para pengurus dana nampaknya masih kurang yakin.

"Saya nak tahu apa lagi yang kita perlu buat, kita dah buat banyak dah... signal macam-macam yang kita bagi tapi nampaknya mereka kurang yakin.

"Tak tahulah apa lagi yang kita hendak buat bagi meyakinkan kuasa pasaran ini sedangkan dahulu kita tidak buat apa-apa mereka datang dengan banyak," kata Dr Mahathir pada persidangan media di kediaman rasmi Menteri Besar, Seri Iman di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Duta Amerika Syarikat ke Malaysia John R. Malott bahawa Malaysia perlu memberikan isyarat yang tepat kepada pengurus dana asing jika ia mahu menarik semula modal asing.

Menurut Malott, kenyataan Malaysia baru-baru ini bahawa pelabur asing mahu 'menakluk' negara berikutan susut nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham hanya akan menjauhkan pelabur asing.

Ketika ditanya sama ada kejatuhan nilai matawang yen kini menguntungkan Malaysia, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak rugi sepenuhnya, ada juga yang menguntungkan.

Katanya kejatuhan itu membuat barangan Jepun lebih murah dan Malaysia membeli banyak barangan dari Jepun yang diguna untuk eksport semula.

"Misalnya Proton banyak membeli barangan dari Jepun, kalau jatuh nilai yen barangan dari Jepun murah dan kereta kita pun lebih murah dan kita boleh eksport lebih sikit," katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, harga kereta nasional itu di pasaran tempatan tidak boleh dikurangkan kerana keadaan itu sementara sahaja.

Mengenai masalah pekerja yang dibuang kerana kegawatan ekonomi, Dr Mahathir, rakyat harus bersyukur kerana wujud peluang pekerjaan lebih banyak daripada bilangan pekerja di negara ini sehingga terpaksa mengambil pekerja asing.

Beliau berkata apabila pemberhentian dilakukan, kerap-kali yang diberhentikan ialah pekerja asing. Bagi pekerja tempatan, jika mereka terpaksa diberhentikan pun, mereka masih mempunyai peluang pekerjaan lain.

Katanya terdapat dua juta pekerja asing di negara ini dan jika pekerjaan kurang untuk rakyat tempatan, pekerja asing itu boleh dihantar pulang ke negara masing-masing.

Dr Mahathir berkata para pekerja bagaimanapun tidak boleh memilih sangat pekerjaan, sebaliknya mesti sanggup menerima jenis kerja dan tempat yang berlainan.

"Ada yang tidak mahu pindah dari rumah dia, negeri dia, kampung dia -- kalau begitu tak ada kerjalah," kata beliau.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis jamuan tengah hari bersama pemimpin masyarakat yang juga diadakan di Seri Iman, Dr Mahathir berkata kuasa-kuasa pasaran atau kapitalis baru boleh menjatuhkan nilai mata wang sesuatu negara apabila mereka sudah tidak mempunyai kepercayaan kepada satu-satu kerajaan.

"Kita disuruh memberi signal bahawa kita sedang membuat apa yang mereka suruh... mereka hendak kita hapuskan segala sekatan supaya bank mereka yang besar, perusahaan mereka yang besar boleh masuk negara kita, mengambil alih

syarikat kita dan menguasai ekonomi kita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata ada negara terpaksa menukar pemimpin kerana desakan daripada mereka.

"Mereka ingin menguasai seluruh dunia. Mereka akan nafi, jentera propaganda mereka akan nafi tetapi percayalah, inilah rancangan mereka," kata beliau.

Beliau berkata kuasa-kuasa pasaran atau kapitalis ini mempunyai wang yang cukup banyak sehingga berbilion-bilion atau trilion ringgit yang boleh dimainkan dan menyebabkan nilai mata wang turun atau naik sesuka hati mereka.

Kira-kira 1,000 orang yang terdiri daripada ketua jabatan dan pemimpin masyarakat menghadiri majlis itu.

-- BERNAMA

SBJ AU NMO